



Ruj. Kami : KP/MAQIS/556 JLD.8 (53)
Tarikh : 23 Oktober 2019

KEPADA SESIAPA BERKENAAN

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENETAPAN PEMILIHAN ITEM KEPADA SEPULUH ITEM BAGI SETIAP PERMIT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan MAQIS KP/MAQIS/556 JLD.8 (52) bertarikh 21 Oktober 2019 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pengeluaran permit MAQIS adalah secara *auto approve* mulai 22 Oktober 2019 bagi komoditi tumbuhan dan akan diperluaskan kepada semua komoditi dalam tempoh terdekat. Kini, semakan dan proses kelulusan permit akan dilakukan sepenuhnya oleh sistem dan dihantar terus kepada pihak pengguna.
3. Dengan pelaksanaan prosedur *auto approve*, had pemilihan item ditetapkan kepada sepuluh (10) item sahaja bagi semua komoditi yang telah melalui kelulusan secara automatik. Hal ini bertujuan untuk mempercepatkan proses verifikasi maklumat permohonan melalui sistem dan juga semasa pemeriksaan dokumen serta fizikal yang dijalankan di pintu masuk.
4. Melalui kaedah ini, MAQIS dapat mengawal setiap pemilihan item dengan lebih terperinci dan pengguna tidak boleh menyalahguna kelulusan yang diberikan dengan memberi maklumat yang tidak tepat kepada pegawai semasa pengisytiharan konsainan dilakukan. Langkah ini juga penting untuk memastikan *stakeholders* di bawah seliaan MAQIS sentiasa peka dan bertanggungjawab setiap kali proses pengisytiharan dilakukan supaya tiada lagi isu permohonan item pada permit yang sentiasa sama tetapi konsainan berbeza.
5. Sekiranya pihak MAQIS mendapati terdapat maklumat yang tidak tepat dalam dokumen pihak tuan/puan, pihak tuan/puan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].


6. Justeru, dimohon pihak tuan/puan dapat memberikan kerjasama dalam pelaksanaan ini agar dapat melancarkan proses perdagangan komoditi pertanian negara dengan lebih cekap dan efisien.

Sekian.

PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SAIFUL YAZAN BIN ALWI)

s.k.

- I. Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan*
- II. Pengarah Bahagian Kuarantin*
- III. Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan*
- IV. Semua Pengarah MAQIS Negeri*
- V. Semua Ketua Pintu Masuk*